

**CEDI ANJUR BENGKEL AKADEMIK UNTUK PROGRAM KERJASAMA BBA
UUM-MKM TAHUN 2011**

Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi

Telah Dihantar: 30 Januari 2011 12:10

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Student

Sk: Prof. Dr. Hassan B Ali

30 JANUARI 2011 / 25 SAFAR 1432H

=====
"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)**CEDI ANJUR BENGKEL AKADEMIK UNTUK PROGRAM KERJASAMA BBA UUM-MKM
TAHUN 2011.**

CEDI UUM telah berjaya menganjurkan Bengkel Akademik untuk Program Kerjasama BBA UUM-MKM pada 20 Januari 2011 yang lalu, bertempat di Bilik Bengkel A, Pusat Konvensyen UUM. Seramai 42 orang Penyelaras Kursus di UUM dan para pensyarah Maktab Kerjasama Malaysia (MKM) telah menghadiri bengkel ini.

Tujuan bengkel akademik ini diadakan adalah untuk membantu para pensyarah MKM dalam mendapatkan informasi-informasi terkini berkaitan pengajaran dan pembelajaran untuk sesi pengajian Disember 2010/2011. Para pensyarah MKM juga dapat bersemuka dengan pihak Penyelaras Kursus di UUM yang telah dilantik, disamping dapat bertukar-tukar idea dan pandangan serta berbincang berkenaan silibus terkini bagi setiap subjek yang ditawarkan.

Untuk makluman, penganjuran bengkel akademik bagi Program Kerjasama BBA UUM-MKM pada sesi pengkuliah akan datang akan dikendalikan sepenuhnya oleh Pejabat Dekan Akademik, UUM COB, berkuatkuasa mulai tarikh 21 Januari 2011.

Tamat.

=====
DARIPADA:
INSTITUT PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN DAN KOPERASI (CEDI)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL: 04-9285621/5622/5638/5632
FAX: 049285778/5614